

# PBB tidak bermaya - Abdullah

Daripada SOPHA SULAIMAN

JAKARTA 24 Julai - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengajak umat Islam seluruh dunia bersatu membangunkan kekuatan ummah setelah melihat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang sepatutnya berupaya mempertahankan mereka di masa krisis gagal dan tidak bermaya berbuat demikian.

Berucap selepas dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Islam oleh Universiti Islam Syarif Hidayatullah di sini, Perdana Menteri berkata, oleh sebab pertubuhan dunia itu tidak mampu, tiba masanya umat Islam dan negara Islam bersatu.

## Jelas sekali, kuasa veto digunakan bukan saja di PBB tetapi di medan Timur Tengah

ABDULLAH  
AHMAD  
BADAWI  
Perdana Menteri

Beliau yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, isu serangan ke atas Lebanon merupakan bukti yang amat menyedihkan mengenai cara hal ehwal antarabangsa dikendalikan.

"Jelas sekali, kuasa veto digunakan bukan saja di PBB tetapi di medan Timur Tengah. Walaupun nilai nyawa manusia dan kedaulatan negara-negara tidak diendahkan, masyarakat antarabangsa tidak dapat berbuat apa-apa," kata beliau.

Abdullah mengulas mengenai perkembangan di Lebanon yang sedang diserang habis-habisan oleh tentera rejim Israel tanpa usaha untuk menghentikannya daripada PBB dan masyarakat antarabangsa lain.

"Yang nyata ialah kita umat Islam secara bersendirian tidak dapat menghalang pencerobohan di Lebanon. Perbalahan dalaman sesama kita menjadikan kita, lemah dan ini merupakan punca perpecahan umat Islam.

"Namun, marilah kita merenung dan me-

nguatkan azam untuk melakukan sesuatu demi Lebanon," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua negara Islam dan masyarakat antarabangsa yang cintakan keamanan supaya terus mendesak PBB mengisytiharkan gencatan senjata serta-merta di Lebanon bagi menghalang negara itu terus menjadi sasaran serangan Israel.

Perdana Menteri berkata, PBB perlu terus didesak supaya menempatkan pasukan pengaman bagi melaksanakan gencatan senjata itu dan menyekat Israel daripada terus menceroboh ke Lebanon.

Mengenai kekuatan yang dimaksudkan be-

• **Lihat muka 2**

## Sambungan dari muka 1

## PBB tidak bermaya - Abdullah

liau itu, katanya, Islam telah menetapkan asas yang kukuh untuk membangunkan kekuatan umat dan ekonomi, sambil membeli contoh mengenai sumber alam yang banyak dan kepelbagaian bangsa penganutnya, yang seharusnya memberi nikmat kesepakatan dan persamaan serta kerjasama.

Beliau memberi contoh Indonesia dan Malaysia sebagai dua negara yang mempunyai majoriti umat Islam yang dianugerahkan kekayaan kelapa sawit sebagai satu hasil buminya, yang boleh dimanfaatkan untuk membina kemakmuran dan kekuatan negara.

Kelapa sawit kini berhasil diproses menjadi bio-diesel sebagai sumber tenaga baru yang menjadi alternatif kepada minyak yang diperlukan seluruh dunia. katanya. sambil mengajak kedua-dua negara berganding bahu memajukan penemuan itu dan menggembeng sumber untuk pengeluaran bio-diesel.